



KENYATAAN AKHBAR
KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA
SITUASI SEMASA DEMAM DENGGI, ZIKA DAN CHIKUNGUNYA DI
MALAYSIA

(Bagi Minggu 16/2018 dari 15 hingga 21 April 2018)

Kes Denggi yang dilaporkan pada minggu ke-16 iaitu bermula dari 15 April hingga 21 April 2018 menunjukkan peningkatan. Sejumlah 1,248 kes Denggi telah dilaporkan pada minggu ke-16, peningkatan 200 kes (19.1%) berbanding minggu sebelumnya iaitu 1,048 kes. Ini menjadikan jumlah kumulatif kes Denggi sehingga 21 April 2018 sebanyak 18,165 kes berbanding 29,425 kes bagi tempoh yang sama tahun 2017, iaitu penurunan sebanyak 11,260 kes (38.3%).

Terdapat lapan (8) negeri yang menunjukkan peningkatan kes berbanding minggu sebelumnya iaitu Selangor 137 kes (22%), WP KL & Putrajaya 23 kes (29.9%), Sabah 16 kes (25.4%), Pulau Pinang 15 kes (26.8%), Pahang 9 kes (60%), Negeri Sembilan 5 kes (23.8%), Perak 5 kes (11.1%) dan Kedah 2 kes (6.7%). Oleh yang demikian, aktiviti pencegahan Denggi perlu terus dipergiatkan terutamanya penghapusan pembiakan nyamuk Aedes melalui pembersihan persekitaran di premis yang berisiko tinggi seperti taman mainan/rekreasi, tanah/lot kosong, projek terbengkalai, kilang/gudang dan tanah perkuburan.

Terdapat dua (2) kes kematian Denggi yang dilaporkan pada minggu ke-16, menjadikan jumlah kumulatif kematian Denggi adalah sebanyak 36 kematian, berbanding 69 kematian bagi tempoh yang sama tahun 2017, pengurangan sebanyak 33 kematian (47.8%).

Jumlah lokaliti wabak semasa meningkat sebanyak 23 lokaliti (6.7%), iaitu 365 lokaliti pada minggu ke-16 berbanding 342 lokaliti pada minggu sebelumnya. Pada minggu ke-16, terdapat 35 lokaliti hotspot melibatkan lima (5) buah negeri iaitu Selangor (28; 80%), WPKL&Putrajaya (3; 9%), Pulau Pinang (2), Perak (1) dan Sabah (1).

Terdapat satu (1) kes Chikungunya melibatkan negeri Kelantan dilaporkan pada minggu ke-16. Sehubungan itu, jumlah kumulatif kes Chikungunya bermula dari Januari hingga 21 April 2018 sebanyak 42 kes iaitu 35 kes dari Kelantan, tiga (3) kes dari Kedah dan masing-masing satu (1) kes dari Sabah, Perlis, Selangor dan Sarawak. Berdasarkan pemantauan yang dijalankan oleh Makmal Kesihatan Awam Kebangsaan (MKAK) dan Institut Penyelidikan Perubatan (IMR) didapati 902 sampel darah dan lapan (8) sampel urin pesakit yang menunjukkan gejala jangkitan virus Zika adalah negatif.

Pencegahan penyakit demam Denggi adalah tanggungjawab semua. Langkah-langkah pencegahan denggi perlu dipertingkatkan dengan penglibatan aktif dan kerjasama semua agensi, jabatan dan masyarakat setempat. Bagi mengatasi masalah Denggi, Kementerian Kesihatan Malaysia menegaskan agar aspek kebersihan persekitaran diberi fokus utama. Luangkan hanya 10 minit seminggu, pastikan semua takungan air jernih yang tidak digunakan dip persekitaran masing-masing dimusnahkan. Bagi takungan air kekal hendaklah sentiasa ditutup atau diletakkan ubat pembunuh jentik-jentik serta diperiksa seminggu sekali. **Tiada Aedes, Tiada Denggi, Chikungunya dan Zika.**



DATUK DR. NOOR HISHAM BIN ABDULLAH
Ketua Pengarah Kesihatan
Kementerian Kesihatan Malaysia

3rd April 2018

**KES DENGGI DILAPORKAN PADA MINGGU 16/2018
(15 hingga 21 April 2018)**

Bil.	Negeri	Bilangan Kes dan Kematian di laporkan				Jumlah Terkumpul Kes denggi sehingga minggu 16/2018		Jumlah Terkumpul Kes denggi sehingga minggu 16/2017	
		Minggu 16 (15 – 21 April 2018)		Minggu 15 (8 – 14 April 2018)		Kes	Mati	Kes	Mati
		Kes	Mati	Kes	Mati				
1	Perlis	4	0	4	0	78	0	61	0
2	Kedah	32	0	30	1	440	2	412	1
3	P. Pinang	71	0	56	0	1193	1	728	5
4	Perak	50	0	45	0	1028	2	2611	6
5	Selangor	760	0	623	0	9949	10	15597	24
6	WP KL & Putrajaya	100	0	77	0	1268	2	2747	10
7	N. Sembilan	26	0	21	0	362	0	1304	7
8	Melaka	2	0	3	0	159	0	590	0
9	Johor	82	0	87	0	1728	4	2099	8
10	Pahang	24	0	15	0	283	1	703	1
11	Terengganu	5	0	5	0	56	0	105	0
12	Kelantan	7	0	10	0	284	1	1337	2
13	Sarawak	5	0	7	0	163	1	490	2
14	Sabah	79	2	63	1	1158	12	637	3
15	WP Labuan	1	0	2	0	16	0	4	0
	MALAYSIA	1248	2	1048	2	18165	36	29425	69

* Sumber : Bilik Gerakan Denggi Kebangsaan

**LOKALITI HOTSPOT PADA MINGGU 16/2018
(15 hingga 21 April 2018)**

Bil	Negeri	Daerah/Zon/ PBT	Lokaliti	Jumlah Kes	Tempoh Wabak Berlaku (Hari)
1	SELANGOR	Petaling	Tmn Lestari Putra (Lep 4)	37	108
2	PERAK	Kinta	Kg Tersusun Jelapang Jaya	35	99
3	SELANGOR	Hulu Langat	Appt Seksyen 1 Bandar Teknologi	25	82
4	SELANGOR	Petaling	Seksyen 28 (Flat E : Blok 47 - 54)	34	79
5	SELANGOR	Petaling	Seksyen 13 (Pangsapuri Perdana)	68	76
6	SELANGOR	Petaling	Seksyen U7 (Tudm Subang A : Blok G1 - G8)	40	75
7	SELANGOR	Petaling	Seksyen 18 (Teres D : Jalan 18/19 - 18/27)	30	68
8	SELANGOR	Petaling	Seksyen 17 (Padang Jawa K : Jalan Bilal Wondo)	17	65
9	SELANGOR	Hulu Langat	Kem Pga Batu 7 Cheras	17	64
10	SELANGOR	Gombak	Kip Bt 8	10	56
11	SELANGOR	Hulu Langat	Taman Sri Raya	15	48
12	SELANGOR	Petaling	Seksyen 7 (Pangsapuri Kristal)	14	45
13	SELANGOR	Petaling	Bg Seksyen 17 Teres F	9	45
14	SELANGOR	Petaling	Seksyen U5 (Pangsapuri Mentari : Blok 1,2 & 3)	25	44
15	SELANGOR	Kuala Langat	Taman Dato Hormat (Jalan Pandan)	5	43
16	SELANGOR	Gombak	Bdr Tasik Puteri Gv 1 (Zon A)	16	40

17	P PINANG	Seberg Perai Tengah	Tmn Sri Janggus (Blok A1-A5)	35	39
18	WPKL	Kepong	Flat Sri Perak	6	39
19	SELANGOR	Petaling	Tmn Perindustrian Sg Penaga Subang Permai (Jln Subang)	6	38
20	SELANGOR	Petaling	Seksyen U1 (Taman Perindustrian Hicom Glenmarie : Jln U1/14 - 29)	7	38
21	SELANGOR	Klang	Kg Sg Udang (Rumah Murah)	11	38
22	WPKL	Cheras	Appt Jalil Damai (Bukit Jalil)	8	37
23	SELANGOR	Gombak	Appt Palma Bch	15	37
24	SELANGOR	Klang	Kg Delek Kanan (Jln Lurah Said 1)	11	36
25	SELANGOR	Petaling	Tmn Sri Puchong	5	36
26	SABAH	Kunak	Kg Jaya Baru	23	34
27	P PINANG	Seberg Perai Tengah	Taman Seri Pauh	13	34
28	SELANGOR	Petaling	Seksyen 7 (Teres C : Jln 7/10 - 7/22)	6	34
29	SELANGOR	Petaling	Seksyen 7 (Pangsapuri Baiduri)	17	34
30	SELANGOR	Hulu Langat	Jalan Tropika 2 Taman Tropika	6	33
31	SELANGOR	Klang	Bandar Putera (Jln Kebun Nenas 2)	16	32
32	SELANGOR	Petaling	Seksyen 7 (Flat A : Blok 1 - 12, Blok 38 - 43)	11	32
33	SELANGOR	Petaling	Kd Pju 1a D'aman Crimson	6	32
34	SELANGOR	Klang	Kg Bukit Kapar (Jln Iskandar Lot 5288)	4	32
35	WPKL	Titivangsa	Flat Tmn Setapak Indah	17	31